



PERNYATAAN POLISI ANTI RASUAH

Lembaga Zakat Selangor (MAIS) (selepas ini dirujuk sebagai “LZS”) sentiasa komited bagi memantau, mencegah dan menghapuskan sebarang amalan rasuah, penipuan penyelewengan dan salahguna kedudukan melibatkan Ahli Lembaga Pemegang Amanah, warga kerja dan pihak berkepentingan LZS dalam melaksanakan amanah menguruskan kutipan dan agihan zakat di negeri Selangor. LZS turut mengambil pendekatan TOLERANSI SIFAR TERHADAP RASUAH. Bagi merealisasikan pendekatan tersebut, LZS komited untuk:

- 01 Melaksanakan usaha pencegahan rasuah berdasarkan Pelan Anti Rasuah LZS bagi memastikan pematuhan terhadap peruntukan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dan segala undang-undang yang tergunapakai;
- 02 Memastikan Sistem Pengurusan Anti Rasuah (SPAR) sentiasa relevan bagi mencapai objektif anti-rasuah berdasarkan lima (5) prinsip Tatacara Mencukupi (T.R.U.S.T).
- 03 Memastikan Ahli Lembaga Pemegang Amanah, warga kerja dan pihak berkepentingan LZS mematuhi Polisi Anti Rasuah (merujuk kepada Polisi & Rangka Kerja Pengurusan Risiko Fraud dan Rasuah) dan segala prosedur berkaitan;
- 04 Memberi ruang dan peluang kepada warga kerja dan pihak berkepentingan LZS untuk melaporkan kelakuan tidak wajar serta memastikan identiti pemberi maklumat dilindungi di bawah Polisi dan Rangka Kerja Pendedahan Maklumat (*Whistleblowing Policy*);
- 05 Memastikan Jabatan Integriti mempunyai kuasa yang bebas untuk memantau pematuhan kepada Sistem Pengurusan Anti Rasuah, menjalankan siasatan dan melapor kepada pihak berkuasa tanpa dipengaruhi oleh mana-mana pihak; dan
- 06 Melarang jenayah rasuah dan akan mengambil tindakan tatatertib atau undang-undang yang sewajarnya ke atas warga kerja dan pihak berkepentingan LZS yang gagal mematuhi Polisi Anti Rasuah ini.